

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IR. DR. WEE KA SIONG  
[AYER HITAM ]**

**TARIKH : 09 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembangunan industri petroleum di Pengerang Johor yang dikawal selia oleh Johor Petroleum Development Corporation (JPDC). Benarkah FDI telah berundur dari kawasan Pembangunan tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kemajuan di tapak binaan ialah sebanyak 92% bagi projek Pengerang Deepwater Petroleum Terminal (PDPT) sehingga Februari 2014. Ini melibatkan kerja-kerja pengorekan dan penambakan, kemudahan marin (contohnya pembinaan jeti) dan pembinaan terminal tangki penyimpanan. PDPT dijangka mula beroperasi pada penggal kedua 2014. Pihak PDPT telah pun menandatangani perjanjian kerjasama jangka panjang yang melibatkan peniaga-peniaga minyak antarabangsa dan syarikat minyak multinasional.

RAPID yang juga merupakan pelaburan terbesar pada ketika ini di PIPC meliputi pelaburan sebanyak RM 60 bilion di atas kawasan seluas 6,424 ekar. Projek ini meliputi pembangunan loji penapisan minyak mentah serta kompleks petrokimia. Kerja kerja tanah yang dijalankan di kawasan RAPID telah mencapai kemajuan sebanyak 68% sehingga Februari 2014. Kerja-kerja tanah ini terbahagi kepada 2 fasa iaitu:

- Fasa pertama melibatkan kawasan seluas 3,133 ekar. Kerja-kerja tanah telah bermula pada Oktober 2012 dan dijangka selesai pada Jun 2014.
- Fasa kedua pula meliputi kawasan seluas 3,291 ekar. Kerja-kerja tanah dijadualkan bermula pada April 2014 dan tamat pada Disember 2015

Sehingga kini, beberapa perjanjian persefahaman mahupun kerjasama dengan pelabur luar telah termeterai. Antara pelabur luar yang telah menandatangani perjanjian bersama projek RAPID ialah Evonik, Versalis dan Itouchu.

Kuokuang Petrochemical Technology Company Ltd. yang meliputi komponen cadangan pembangunan sebuah kompleks petrokimia bersepadu terdiri daripada sebuah kilang penapisan minyak mentah dengan pemecah nafta dan loji aromatik di kawasan seluas 4,000 ekar dengan anggaran pelaburan sebanyak RM30 bilion telah berundur daripada kawasan pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) atas faktor-faktor ekonomi sepertimana surat rasmi yang dihantar kepada pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor bertarikh 27 September 2013. Keputusan menarik diri adalah berdasarkan dua faktor ekonomi yang telah dikaji oleh pihak pelabur. Faktor-faktor tersebut ialah:

- a) Impak negatif terhadap masa depan projek berdasarkan perkembangan teknologi 'shale gas' serta teknologi pengegasan arang batu.
- b) Pulangan kewangan yang boleh diterima dari projek melalui strategi pemasaran yang optimum atau bahan mentah alternatif dan matriks pengeluaran

Berdasarkan faktor-faktor tersebut, pihak KPTC telah bersetuju untuk menarik diri dari melabur di PIPC.

Sekian. Terima kasih.